



FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPaka/RENANGA

FAKULTAS

BIL. 03 JUN-NOV 2001 ISSN:1511-7472 UNTUK EDARAN DALAMAN

PEMBANGUNAN MAPAN

Mahasiswa Sebagai Agen Utama Pembangunan K-Ekonomi

Prof. Data' Dr. Adnan Alia

Kc Arab Pemantapan Pembangunan Mapan

Prof. Madya Dr. Yaacob Yusoff

Sustainable Construction Development:

Let There Be Hope For Generations of Tomorrow

Noraliza Haji Basrah

Pembangunan Masa Depan Tamadun Melayu Islam:

Malaysia Sebagai Fokus

Mohd. Nor Mamat

Cultural Development, Information Society And Youth's Role

Ismail Sulaiman

Pembangunan Bahan Terjemahan:

Kesaksian Dalam Perkayaan Penerbitan Bahasa Melayu

AzharAb. Wahab

Ilmu Menjiilang Kelajuan Pembangunan Martabat

Megat Mohd Hatta Megat Othman

Sistem Talysiran Sendiri:

Cabaranku Arah Mewujudkan Jatidiri Masyarakat Negara Maju

Rohaya Mohd Nor

Penjiilan Dan Persepsi Terhadap Kereta Prolong

IPa/jri/jiigai Pengguna, Penjual Dan Penjual Somula

” Mt'mest Cyril De Run & Rohani Ismail

Kejayaan Perindustrian Keuangan Dalam Keluarjaya Slangal Negeri Jlia Kt maja

Dr. Zulkarnain Mahrudin & Muhammad Yaacob

Pembinaan Dan Pembangunan Ketrampilan Diri

Nurmini Ahmad

FAKULTAS

*Kolej Cempaka Kenanga Universiti Teknologi MARA Shah Alam
2001*

FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

**BIL 03
JUN-NGV 2001**

PEMBANGUNAN MAPAN

Cetakan Pertama, November 2001

Hakcipta adalah terpelihara.

Mana-mana artikel atau isi kandungan jurnal ini tidak boleh diterbitkan semula ataupun disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara s ekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit.

Semua artikel adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya, dan tidak semestinya merupakan pandangan pihak penerbit.

Susun Atur Teks: Arial
Saiz Huruf: 11 poin
Rekabentuk Kulit oleh En. Amir Osman

ISSN 1511-7472

Diterbitkan oleh:
KOLEJ CEMPAKA KENANGA
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor
MALAYSIA.
Tel: 03-5544 3573 / 3581 Fax: 03-5512 2370
E-mel: fakultas@hotmail.com

Diuruscetak oleh:

Unit Percetakan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor

SENARAI PENYUMBANG ARTIKEL

- V MAHASISWA SEBAGAI AGEN UTAMA PEMBANGUNAN K-EKONOMI
Prof. Dato' Dr. Adnan Alias
- V KE ARAH PEMANTAPAN PEMBANGUNAN MAPAN
Prof. Madya Dr. Yaacob Yusoff
- V SUSTAINABLE CONSTRUCTION DEVELOPMENT: LET THERE BE HOPE FOR GENERATIONS OF TOMORROW
Noraliza Haji Basrah
- V PEMBANGUNAN MASA DEPAN TAMADUN MELAYU ISLAM: MALAYSIA SEBAGAI FOKUS
Mohd. Nor Mamat
- V CULTURAL DEVELOPMENT, INFORMATION SOCIETY AND YOUTH'S ROLE
Ismail Sualman
- V PEMBANGUNAN BAHAN TERJEMAHAN: KAEDAH MEMPERKAYAKAN PENERBITAN BAHASA MELAYU
Azhar Ab. Wahab
- V ILMU MENJULANG KELANGSUNGAN PEMBANGUNAN MARTABAT
Megat Md. Hatta Megat Othman
- V SISTEM TAKSIRAN SENDIRI: CABARAN KE ARAH MEWUJUDKAN JATIDIRI MASYARAKAT NEGARA MAJU
Rohaya Mohd. Nor
- V PERMINTAAN DAN PERSEPSI TERHADAP KERETA PROTON: PANDANGAN PENGGUNA, PENJUAL DAN PENJUAL SEMULA
Mr. Ernest Cyril De Run
Rohani Ismail
- V PERLUNYA PENDEDAHAN KENDIRI DALAM KELUARGA DI KALANGAN BELIA DAN REMAJA
Dr. Zuria Mahmud
Mohammad Yaacob
- V PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN KETRAMPILAN DIRI
Noraini Ahmad

JEMPUTAN PENULISAN ARTIKEL

Editorial FAKULTAS sangat-sangat mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel keluaran akan datang. Tema keluaran Bil 04 Dis-Mei 2002 adalah Mesra Intelek Ke Arah Profesionalisme.

- Artikel boleh dihantar terus kepada:
Jurnal FAKULTAS
Kolej Cempaka Kenanga
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam,
SELANGOR.
Tel: 03-5544 3573/3581
Fax: 03-5512 2370 (u.p Editor FAKULTAS)
e-mail: akultas@hotmail.com
- Setiap artikel mestilah mengandungi sekurang-kurangnya 5000 patah perkataan. Artikel hendaklah dihantar bersama biodata ringkas dan kebenaran untuk tujuan penerbitan (lampiran salinan adalah sangat-sangat dialu-alukan).
- Aspek penulisan adalah merangkumi kepelbagaiannya disiplin ilmu, kebudayaan bangsa dan motivasi serta pengembangan akademik (pengajaran dan pembelajaran).
- Penerbit mengesyorkan agar semua artikel disiapkan dengan bibliografi menggunakan skema APA.
- Semua artikel bagi keluaran Bil 04 Dis-Mei 2002 mestilah sampai ke pihak editorial selewat-lewatnya 31 Disember 2001.

SUMBANGAN ANDA AMAT DIHARGAI

ISI KANDUNGAN

<u>Topik</u>	<u>Halaman</u>
Mahasiswa Sebagai Agen Utama Pembangunan K-Ekonomi <i>Prof. Data' Dr. Adrian Alias</i>	1
Ke Arah Pemantapan Pembangunan Mapan <i>Prof. Madya Dr. Yaacob Yusoff</i>	9
Sustainable Construction Development: Let There Be Hope For Generations Of Tomorrow <i>Noraliza Haji Basrah</i>	25
Pembangunan Masa Depan Tamadun Islam: Malaysia Sebagai fokus. <i>Mohd. Nor Mamat</i>	47
Cultural Development. Information Society and Youth's Role <i>IsmailSualman</i>	65
Pembangunan Bahan Terjemahan: Kaedah Memperkayakan Penerbitan Bahasa Melayu <i>AzharAb. Wahab</i>	83
Ilmu Menjulang Kelangsungan Pembangunan Martabat <i>Megai Md. Hatta Megat Othman</i>	95
Sistem Taksiran Sendiri: Cabaran Ke Arah Mewujudkan Jatidiri Masyarakat Negara Maju. <i>Rohaya Mohd. Nor</i>	105
Permintaan Dan Persepsi Terhadap Kereta Proton: Pandangan Pengguna, Penjual dan Penjual Semula <i>Mr. Ernest Cyril De Run</i> <i>Rohani Ismail</i>	119
Periunya pendedahan Kendiri Dalam Keluarga dikalangan Belia dan Remaja <i>Dr. Zuria Mahmud</i> <i>Mohammad Yaacob</i>	129
Pembinaan dan Pembangunan Ketampilan Diri <i>Noraini Ahmad</i>	149
Penaung	
Prof. Datuk Ibrahim Abu Shah	Editor
Naib Canselor	Ketua Editor
Penasihat	Mohd Nor Mamat
Prof.Dato' Dr. Ir.SaholHamid	mdnr@salam.itrn.edu.my
Abu Bakar	Timbalan Ketua Editor
Penolong Naib Canselor	Nor Azaliza Abdullah
Noraliza Haji Basrah	iza.iieza78@hotmail.com
Pengetua	
Kolej Cempaka /Kenanga	
Amir osman	
Biro Penerbitan & Publisiti	
Kolej Cempaka Kenanga	

PEMBANGUNAN MASA DEPAN TAMADUN MELAYU ISLAM: MALAYSIA SEBAGAI FOKUS

Mohd. Nor Mama?

Abstrak

Kebangkitan tamadun Melayu-Islam Malaysia diberi perhatian oleh seluruh dunia dengan negara Malaysia, la dilihat sebagai mendominasi arus perpaduan hidup di kalangan bangsa yang bersifat majmuk di negara ini adalah antara faktor yang memastikan prospek masa depan dengan kebangkitan tamadun Melayu-Islam lebih cerah. Tanpa menafikan sumbangan golongan ulama' dan intelektual yang berjuang habis-habisan demi melihat perkembangan tahap kemajuan yang membanggakan, sokongan dan pertolongan langsung pihak pimpinan negara terus mengorak negara ke depan meneraju kebangkitan dunia Islam di sebelah timur ini. Malahan hah ini, kita dapat negara-negara daripada dunia Islam menghormati Malaysia sebagai suara mereka di peringkat dunia dan tidak hairanlah jika terdapat segelintir pemerhati di peringkat antarabangsa meramalkan Malaysia sebagai bakal pusat perkembangan dan kebangkitan tamadun Islam di timur pada masa depan.

¹ Penulis merupakan pensyarah di Pusat Pendidikan Islam, UiTM Shah Alam. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusiaan dalam bidang Bahasa Arab dan Ilmu Wahyu UIAM dan Sarjana Sains Pengurusan Maklumat (Islam) UiTM. Beliau sangat aktif dalam penulisan bahan-bahan ilmiah. Antara karya beliau ialah Penulisan Berkualiti Sebagai Suatu Pendekatan Dakwah yang Efektif, Era IT dalam Perspektif Islam dan buku Pengurusan Ilmu & Maklumat Islam.

PENGENALAN

Alam Melayu merangkumi kepulauan Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand malah sebahagian tafsiran mendefinisikan Alam Melayu sebagai suatu rantaui yang berpusatkan Asia Tenggara dan melebar sehingga ke Pantai Afrika dan Malagasi di sebelah barat, Taiwan dan Jepun di sebelah timur dan meluas sehingga ke serata kepulauan Pasifik². Malah dalam aspek pengkajian tamadun Melayu, beberapa istilah lain turut dikaitkan dengan tafsiran untuk Alam Melayu seperti Malayo-Polynesia, Melayu-Astronesia, Malay Archipelago, Tangora dan sebagainya.³

Perbincangan tentang tamadun Melayu tidak dapat dipisahkan daripada amalan animisme dan dua unsur keagamaannya iaitu Hindu-Buddha dan Islam. Namun antara kedua pengaruh tersebut, sejarah banyak memberi fokus kepada kewujudan dan perkembangan dunia Melayu yang disertakan dengan pengaruh Islamnya. Tidak dinafikan bahawa masyarakat Melayu silam sebelum kedatangan Islam begitu percaya kepada kuasa penunggu, puaka dan roh yang disebut sebagai 'Hyang'. Kemudian kedatangan agama Hindu-Buddha seterusnya dengan kepercayaan roh manusia dan Brahma⁴ menguatkan lagi amalan kepercayaan animisme. Namun, kuasa Melayu mulai popular setelah terbinanya empayar Melayu Islam Acheh, Pasai, Melaka dan sebagainya sehingga menjadi perhatian timur dan barat.

Kedatangan Islam telah menolaksikap negatif dan kepercayaan karut umat Melayu sehingga menjadikannya suatu bangsa yang sangat dihormati oleh dunia. Sebelumnya kehidupan mereka agak jumud akibat dikongkong ketat oleh ketakutan kepada tahuyl dan kuasa roh. Sehubungan itu, kita dapatkan kedatangan Islam

² A. Aziz Deraman (1992). Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Melayu:13

³ Ibid: 65 - 66

⁴ Mahayudin Haji Yahya (1998) Islam di Alam Melayu: 98.

selepas tempoh anutan animisme dan Hinduisme ini lebih bersifat sufisme atau tasawwur. Kaedah teologi ini perlu digunakan bagi memudahkan pemikiran masyarakat dan seterusnya menolak fahaman salah dan kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha yang juga bersifat teologi.

LATAR BELAKANG KEBANGKITAN DUNIA MELAYU-ISLAM: MALAYSIA SEBAGAI FOKUS

Secara ringkasnya, era kebangkitan Islam di Alam Melayu bermula sejak awal abad ke-7M, di mana satu perkampungan Arab Islam ditemui di Sumatera Utara manakala kerajaan Islam bermazhab Syi'ah⁵ telah dikesan wujud di Pulau Sila (Sulawesi ataupun Sulu). Kemudian pada sekitar tahun 800M, Aceh pula didiami oleh sekumpulan masyarakat Arab Islam bermazhab Syi'ah yang kemudiannya mendirikan sebuah kerajaan Islam di Perlak.⁶

Di Sulu, rajanya telah menerima Islam di sekitar abad ke-14M dan kemudiannya mengasaskan pula kekuasaan kerajaan Mindanao pada abad ke-16M.⁷ Pada abad ke-18M, kebangkitan kerajaan Melayu Islam di Pontianak telah mula dikesan dan ini memperlihatkan satu pengaruh kebangkitan yang menyeluruh daripada keseluruhan gugusan kepulauan Melayu.

Manakala di Semenanjung Tanah Melayu, kemunculan kerajaan Islam yang terawal dikesan ialah kerajaan Islam Kedah sekitar

⁵ Hikayat Raja-raja Pasai menyebut proses pengislaman raja Pasai bermula pada abad ke-13 dan ini disokong oleh pengkaji serta penulis barat. Tetapi, menurut pengalaman penulis bahawa proses tersebut cuma perubahan aliran Syi'ah kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Ini kerana kerana Pasai sebenarnya telah dikesan Islam seawal abad ke-9M.

⁶ Rujuk Mahayudin Haji Yahya (1998). Islam di Alam Melayu: 16-17.

⁷ Ibid: 25-27

abad ke-12M, apabila Maharaja Derbar Raja II memeluk Islam dan menggunakan nama Sultan Muzaffar Shah pada tahun 1135M.⁸ Antara kerajaan Islam lain yang awal termasuklah kerajaan Islam Kelantan yang berpusat di Kaylukari (Kuala Krai) dan Terengganu yang dipercayai wilayah jajahan kerajaan Melayu Islam Jambi⁹ di sekitar abad ke-14M.¹⁰ Ini diikuti oleh kerajaan Islam Melaka, Johor, Pahang dan sebagainya. Rengan kemunculan empayar Melayu-Islam Melaka menambahkan lagi kekuatan kebangkitan dunia Melayu Islam ketika itu dengan penguasaan mutlak ke atas aspek agama, ilmu pengetahuan, politik dan ekonomi serantau. Inilah era kebangkitan Islam pertama di Alam Melayu yang mengikis sedikit sebanyak anutan Hinduisme dan animisme di kalangan masyarakat Melayu. Meskipun begitu, tidak dinafikan bahawa beberapa unsur kepercayaan khurafat dan tahlul masih juga terus diamalkan dalam masyarakat Melayu Islam.¹¹ Malah pengaruh Hindu-Buddha umpamanya, masih jelas diwarisi oleh masyarakat Bali di Indonesia.¹²

Pada era kebangkitan kedua, Islam bangkit sekali lagi setelah kerajaan-kerajaan Melayu Islam jatuh satu demi satu ke tangan penjajah seperti Belanda, Portugis, British, Amerika Syarikat dan sebagainya. Apatah lagi sejarah memperlihatkan kewujudan perkara khurafat dan tahlul kembali ke dalam pemikiran masyarakat Melayu Islam dengan kemunculan kepercayaan roh para wali, kubur-kubur dan sebagainya. Lalu, sekitar abad ke-17M sehingga abad ke-19M lahir ramai ulama' dan pahlawan Melayu Islam yang bangkit memperjuangkan kemerdekaan serta pemulihian akidah masyarakat daripada kepercayaan khurafat

⁸ Ibid: 19

⁹ Ibid: 23

¹⁰ Ini berpandukan kepada catatan Ibnu Battutah Ibid: 22- 23

¹¹ Rujuk Wan Ramli Wan Muhammad (1999). Pantang Larang Orang Melayu Tradisional: Pendahuluan

¹² A. Aziz Deraman (1992). Tamadun Melayu dan Pembinaan bangsa Malaysia: 20

dan syirik. Di Indonesia, lahir kiyai-kiyai, Wali Songo, Profesor Hamka dan sebagainya yang telah meniup semangatorang Islam untuk bangkit berjuang menentang penjajahan Belanda. Di Selatan Thailand, muncul ulama' seperti Syeikh Daud Al Fatani dan lain-lain lagi. Begitu juga suasana kebangkitan yang berlaku di Selatan Filipina. Namun senario di Selatan Thailand agak berbeza kerana mereka tidak pernah dijajah oleh penjajahan barat. Mereka berjuang untuk pemisahan daripada kerajaan besar Thailand sebagai kerajaan Islam yang merdeka.

Suasana yang serupa di Malaysia, sehingga tempoh 1940an, golongan ulama' dan sarjana Islam bekerja keras untuk mendapatkan kemerdekaan negara daripada penjajahan British.

Kebiasaannya, kita membaca banyak tulisan sejarah yang menyebut faktor penaklukan, perkahwinan dan perdagangan sebagai faktor utama perkembangan Islam di Alam Melayu. Secara umumnya, kita menerima peranan faktor-faktor di atas namun secara lebih mendasar, kita mendapati beberapa aspek lain turut menyumbangkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam memastikan pembangunan Islam meluas di seluruh Alam Melayu.

Apa yang jelas, kita dapat peranan golongan ulama' yang bekerja keras menyampaikan kebenaran Islam adalah merupakan faktor penting sehingga menarik perhatian masyarakat Melayu seluruhnya. Ini termasuklah Maulana Sayyid Abd. Aziz dan Maulana Sadar Jahan (Melaka), Makhdum Karim (Sulu), Syarif Ali Zainal Abidin (Mindanao) dan sebagainya. Usaha keras para ulama' silam bermula dengan penyebaran secara lisan kemudiannya disusulkan dengan penyebaran menerusi penulisan di sekitar abad ke-14M ataupun abad ke-15M.¹³ Ini dibuktikan dengan peninggalan karya-karya ulama' seperti Hamzah Fansuri, Shamsuddin As Sumatrani; Syeikh Nurudin Ar Raniri, Abdul Rauf Singkel, Bukhari Al Jauhari dan sebagainya. Sebagai tambahan, kedudukan ulama ketika itu sangat dihormati

FAKULTAS

dalam hierarki masyarakat terutamanya oleh golongan pemerintah dan mengiktiraf mereka sebagai penasihat ke arah pembinaan negara Melayu-Islam.

Keduanya, faktor kekuasan dan kekuatan politik kerajaan Melayu Islam seperti Aceh, Pasai dan Melaka menyebabkan pengembangan pengaruhnya menjadi mudah untuk diterima oleh masyarakat nusantara yang masih dikongkong oleh kepercayaan animisme dan Hinduisme. Kerajaan-kerajaan kecil dengan mudah akur dan tunduk kepada corak anutan kerajaan besar yang menaungi wilayah-wilayah mereka. Perkembangan ini menjadi lebih meluas dengan wujudnya perkahwinan politik antara golongan ulama' dan golongan pemerintah yang kemudian sebahagian daripada golongan ulama' tersebut diberi kepercayaan menerajui negara seperti di Perlak, Sulu dan Mindanao.

Keunikan dan kesesuaian ajaran Islam itu sendiri juga merupakan faktor yang menyumbang. Kalau sebelum ini, Hindu mudah diterima oleh masyarakat Melayu kerana terdapat unsur persamaan kepercayaan kepada roh namun penerimaan Islam agak berbeza. Ini kerana Islam menarik perhatian mereka disebabkan oleh faktor ajarannya yang mengamalkan persamaan dan keadilan yang secara tidak langsung menghapuskan kekejaman golongan bangsawan dan diskriminasi sistem kasta. A. Aziz Deraman contohnya mengungkapkan sifat Islam sebagai yang '*receptive*' dan '*accommodative*' dalam proses seleksi menerima budaya asing dengan tidak bertentangan dengan prinsipnya menyebabkan Islam dalam waktu yang relatifnya singkattelah diterima umum dengan senangnya.¹⁴ Di mana saja ia berada, ia diserap dan menyerap ke dalam budaya tempatan sehingga dikenali sebagai kebudayaan Melayu Islam.

¹³ Mana Sikana (1983). *Sastera Islam di Malaysia*: 1

Corak penyampaian dan penyebarannya yang berhikmah, baik dan tanpa paksaan. A. Aziz Deraman mengendalikan faktor inilah yang merupakan antara sebab yang dominan sehingga menyebabkan Islam mampu berkembang luas dan diterima sebagai perundangan (kanun) di Alam Melayu.¹⁵

Dalam isu kebangkitan Islam di Malaysia, kita dapat perkembangan sejarahnya juga boleh diklasifikasikan bentuk kebangkitannya itu kepada tiga era yang utama: era jahiliah hinduisme dan animisme, era penjajahan dan era penjajahan ideologi barat.

KEBANGKITAN ISLAM DARIPADA HINDUISME DAN ANIMISME

Tanah Melayu dipercayai mula menerima Islam seawal abad ke-12M di Kedah dan pada tahun 1303M, semakin jelas apabila Raja Mandulika di Terengganu atau pun dikenali ketika itu Fc~Lo-An¹⁶ memeluk Islam, atau pun di sekitar tahun 1414M setelah Parameswara menerima agama Islam dan bertukar menggunakan nama Megat Iskandar Syah diikuti oleh Tun Muhammad di Pahang pada tahun 1450M. Kemudian Islam telah berkembang dan menjadi anutan hampir keseluruhan negeri-negeri di Tanah Melayu dan berjaya sedikit sebanyak menangkis anutan Hinduisme dan kepercayaan animisme di kalangan masyarakat Melayu.

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah membawa perubahan yang hebat kepada kepercayaan dan pemikiran masyarakat

¹⁴ A. Aziz Deraman (1992). Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Melayu: 24

¹⁵ A. Aziz Deraman (1992): Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia: 22

¹⁶ Menurut catatan pengembara China bernama Ling Wat Tai Ta. Rujuk Mohd. Nazri Ibrahim et. Al. (1998). Perspektif Islam di Malaysia: 8

FAKULTAS

Melayu. Sesetengah sarjana baratseperti Van Leurdan Schrieke cuba memperkecilkan peranan kedatangan Islam yang digambarkan sebagai lapisan kulit tipis (*thin veneer*) yang menutupi kepercayaan Hindu dalam kehidupan masyarakat rantau ini, tetapi pengkajian sebenarnya menampilkan kenyataan bahawa ia bukan sekadar membawa perubahan rupa juga jiwa umat rantau ini, yang digambarkan oleh perubahan revolusi rohaniah dan aqliyyah umat. Penekanan Islam kepada Rukun Iman dan Rukun Islam adalah sebagai tunjang ajaran menggantikan Hinduisme dan Animisme. Islam menekan unsur rasionalisme, intelektualisme, keadilan dan kemuliaan keperibadian insan dalam ajarannya. Perhambaan, kezaliman dan kasta dengan sendirinya terhapus dengan konsep persamaan hak Islam serta ia menekankan unsur-unsur kebaikan sosial secara individu dan kolektif. Teks undang-undang Melayu silam seperti Adat Makuta Alam,¹⁷ Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sudah pun mengamalkan perundangan kehidupan mereka mengikut Islam. Cacatan dalam buku Sejarah Melayu juga turut mengakui hal tersebut.¹⁸ Begitu juga amalan dan adat Hindu mulai berganti dengan corak budaya Melayu Islam; lahirnya qasidah, berzanji, seni tarian saman, ratoh¹⁹ dan pelbagai bentuk seni dan budaya yang diislamkan.

KEBANGKITAN ISLAM DARIPADA PENJAJAHAN

Bagaimanapun kebangkitan Islam mula malap dengan kedatangan penjajah Portugis, Belanda dan semakin malap dengan kedatangan British pada abad ke-18M. Proses

¹⁷ Mana Sikana (1983). Sastera Islam di Malaysia: 7

¹⁸ Rujuk Mohammad Jajuli Abd. Rahman (1994). Teks Undang-undang Melayu Pertengahan Abad Kelapan Belas: 22.

¹⁹ A. Aziz Deraman (1992). Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia: 28-29.

sekularisasi yang membawa kepada kealpaan masyarakat Melayu kepada agama. Pelbagai unsur syirik, khurafat dan bidaah diterapkan. Pun begitu, ia juga menampakkan impak positif apabila penjajahan tersebut menjadi titik mula kepada kebangkitan semula Islam. Situasi ini telah mendorong para ulama' dan pemimpin aktivis Islam seperti Syed Sheikh Al-Hadi (1867-1934), Syeikh Muhammad Tahir JalaluddinAl Falaki (1869-1956), Muhammad Yusuf Agnad ataupun Tok Kenali (1868-1933), Syeikh (Dr.) Mohd Idris Raof Al Marbawi (lahir 1893), Tok Janggut, Haji Abdul Rahman Limpong, UstazAbu BakarAl Baqirdan lain-lain lagi bangkit menyedarkan masyarakat Islam agar kembali kepada landasan Islam yang hakiki. Dalam masa yang sama, kita tidak menafikan perjuangan golongan pahlawan tempatan Islam yang juga turut memperjuangkan kemerdekaan negara seperti Dol Said, Dato' Bahaman, Tok Gajah, Datuk Maharaja Lela, Mat Kilau dan lain-lain lagi. Perjuangan mereka bukan sekadar memulihkan kehidupan masyarakat yang menyimpang dengan perkara-perkara khurafat dan bida'ah semata-mata, tetapi dalam masa yang sama mereka turut memperjuangkan kemerdekaan negara daripada penjajah sebagai sebuah negara Islam. Mereka memperjuangkan Islam dan cuba mewujudkan arus kebangkitan Islam menerusi pelbagai cara dan metod seperti penentangan secara terbuka oleh Tok Janggut dan Haji Abdul Rahman Limpong, menerusi tulisan-tulisan pembakar semangat oleh Syed Syeikh Al Hadi, Syed Muhammad Tahir Jalaluddin Al Falaki dan sebagainya.

Di akhir tahun 1920an, perjuangan gerakan ulama' reformasi Islam disambung oleh kemunculan nasionalis Melayu yang berkelulusan pendidikan Inggeris. Perjuangan mereka disertai oleh tokoh-tokoh seperti Ibrahim Yaakub, Ahmad Boestaman, Ishak HJ. Mohammad (Pak Sako), Dato' Senu Abdul Rahman, Dato' Onn dan Tunku Abdul Rahman. Perjuangan golongan ini lebih kepada mengubah masyarakat Melayu agar memiliki harga di tanah air sendiri dan ia lebih bersifat kebangsaan, yang mendokong semangat pembebasan negara daripada penjajahan

sebagai negara merdeka.

Selepas era kemerdekaan, kita mendapati wujudnya suatu lagi arus kebangkitan Islam yang meneruskan perjuangan pimpinan negara ke arah mengembangkan Islam sebagai agama rasmi negara dan menolak penjajahan ideologi dan cara pemikiran negatif barat.

KEBANGKITAN ISLAM DARIPADA PENJAJAHAN IDEOLOGI BARAT

Antara gerakan kebangkitan Islam yang ditubuhkan ketika itu sehingga yang terkini dan turut menyumbang bersama-sama usaha kerajaan di bawah pimpinan UMNO termasuklah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islam Malaysia (JIM), Persatuan Saintis Muslim Malaysia (ASASI), Pertubuhan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan beberapa pertubuhan lain seperti Majlis Persefahaman Agama-agama, Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Yayasan Kemajuan Islam Malaysia (YADIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), institusi-institusi akademik seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Anatarabangsa (ISTAC), Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (MIT), Institut Latihan dan Dakwah Islam (INDAH) dan sebagainya.

Terdapat juga tokoh-tokoh individu intelektual dan sarjana yang turut sama memperjuangkan kesedaran Islam dan berperanan membangkitkan semula semangat penghayatan semula nilai-nilai Islam di kalangan masyarakat Islam sama ada di negara kita ataupun diperingkat antarabangsa, umpamanya Profesor Dr. Muhammad Kamal Hassan, Profesor Diraja Ungku Aziz, Profesor Emeritus Dr. Ahmad Ibrahim, Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib Al Attas, Profesor Dr. Osman Bakar, Profesor Wan Mohd. Nor Wan Daud dan beberapa tokoh lain lagi yang terkenal. Malah

suara lantang kerajaan pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad membuktikan betapa usaha giat umat Islam di negara ini sedang dijalankan untuk membebaskan diri daripada belenggu penjajahan pemikiran barat. Ini diteruskan dengan laungan kempen jati diri Melayu-Islam yang unggul agar tidak terpedaya dengan cara ideologi barat.

ISLAMISASI DAN MASA DEPAN NEGARA

Kebangkitan Islam di Malaysia menampakkan beberapa perkembangan dan kesan yang semakin menyerlah dalam pelbagai aspek masyarakat Islam.

Islam seolah-olah menjadi arus perdana sama ada dalam aspek ekonomi, politik, pendidikan dan lain-lain lagi. Pemikiran umat Islam kian kelihatan semakin mengarah kepada bentuk pemikiran Islam. Majoriti umat Islam di Malaysia menolak sistem sekular dan ideologi barat yang tidak bersesuaian dengan Islam. Cuma perbezaanya masih ketara dengan tahap kesedaran setiap lapisan masyarakat yang berbeza. Kini, Islam menjadi topik perbincangan dan diskusi segenap lapisan masyarakat di manapun sahaja, malah juga di kalangan bukan Islam.

Dari sudut politik pemerintahan masa kini telah pun bertukar 'trend' kepada corak yang lebih Islamik dengan pengenalan akta rasuah, penolakan politik wang dan pemilihan barisan pemimpin yang benar-benar bersih daripada permasalahan moral dan jenayah. Penolakan anasir barat dan campur tangan Yahudi umpamanya adalah antara contoh yang menguatkan lagi gambaran kesedaran umat Islam. Malah kalau dilihat lebih mendalam, masyarakat Malaysia menampakkan minat yang semakin bertambah terhadap gerakan reformasi politik ke arah yang lebih Islamik secara lebih total.

Dari sudut ekonomi telah diwujudkan institusi-institusi Kewangan

FAKULTAS

Islam seperti bank Islam Malaysia Berhad, Takaful Malaysia dan sebagainya. Banyak produk-produk kewangan Islam semakin mendapat tempat di hati masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia, umpamanya sistem gadaian Ar-Rahn, pelaburan Al Mudharabah, simpanan Al Wadi'ah dan sebagainya. Boleh dikatakan, pada hari ini majoriti institusi perbankan Islam mempunyai sistem perbankan tanpa faedah dan pelaburan cara Islam.

Dari sudut pendidikan, pelbagai usaha dilakukan bagi menerapkan nilai-nilai murni Islam, umpamanya penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dan pengenalan subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia sebagai mata pelajaran wajib di seluruh Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Meski pun terdapat pandangan yang mengarah kepada mengutamakan aspek teknologi dan sains semasa, namun pertentangan arus yang menghendaki kepada penekanan aliran keislaman secara sepudu lebih mengatasi suara-suara sumbang tersebut. Hasilnya kita dapat sistem pendidikan yang Islamik seperti diamalkan di sekolah-sekolah rendah Islam (SRI) dan sekolah-sekolah aliran kebangsaan dengan integriti pengajian Islam lebih mendapat perhatian masyarakat.

Dari sudut sosial, perubahan nilai sosial terhadap wanita Islam di pejabat dan Institusi Pengajian Tinggi juga jelas kelihatan apabila imej pakaian Islam semakin mendapat tempat. Prates dan kritikan terhadap kerajaan supaya bertindak tegas terhadap masalah sosial yang timbul hari ini juga memperlihatkan betapa Islam mulamenguasai pemikiran umat Islam secara menyeluruh. Penampilan wanita-wanita di kaca televisyen juga mula menampakkan kelainan dengan imej yang menutup aurat dan menjaga batas-batas perhubungan lelaki-wanita lebih ketara berbanding sebelum ini.

Dalam aspek kesenian dan kesusasteraan juga, pengaruh Islamisasi dilihat berlaku secara jelas. Kedatangan Islam telah

memberi tapak perkembangan seni khat, seni bina bangunan, kota dan masjid, seni kraftangan, seni suara muzik dan sebagainya.²⁰ Malah hari ini, kita dapatkan ledakan minat masyarakat terhadap kesenian Islam semakin menebal di kalangan masyarakat Melayu Islam dengan kemunculan kumpulan-kumpulan nasyid, penggunaan irama ghazal, penerapan unsur-unsur Islam dan dakwah dalam pelbagai kegiatan kesenian di sekeliling kita. Begitu juga dalam aspek kesusasteraan, banyak pengaruh Islamisasi telah mewarnai dunia kesusasteraan negara. Penulisan karya klasik seperti *Al Burdah*, *Aqidah Al Awwam*, *Bahr Al Lahut*, *Faridah Hanum*, *Hikayat Muhammad AH Hanafiah*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Syair Siti Zubaidah*, *Hikayat Seribu Satu Malam* dan lain-lain lagi memperjelaskan kepada kita tentang kewujudan pengaruh Islam dalam aspek kesusasteraan nasional. Sehingga hari ini, kesusasteraan Melayu Islam semakin berkembang dan mendapat tempat yang dominan dan tinggi.

Program-program bercorak agama juga mendapat tempat di kalangan masyarakat, seperti Forum Perdana Hal Ehwal Islam, Al Kuliyyah, Jejak Rasul dan sebagainya. Majalah-majalah Islam juga memenuhi pasaran umum meskipun persaingan agak mencemaskan dengan kemunculan majalah-majalah hiburan yang semakin bercambah dan semakin membimbangkan. Buku-buku Islam juga dilihat membanjiri kedai-kedai buku dengan pelbagai disiplin yang menyajikan kesedaran untuk kembali menghayati Islam.

MASA DEPAN TAMADUN MELAYU - ISLAM MALAYSIA

Malaysia pada hari ini sudah mendahului negara-negara lain di dunia dalam aspek perlaksanaan kehidupan Islam secara umum. Sejak sejarah memaparkan kedatangan

²⁰ Abdullah Jusuh (1989). Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia: 122-132

Islam ke Tanah Melayu Melaka pada 103M lagi, cahaya kegemilangan Islam sentiasa bergemerlapan dan sentiasa diperjuangkan oleh masyarakat Islam di Malaysia terutamanya oleh golongan ulama'. Sehinggalah negara dyajah oleh Portugis, Belanda dan British, sinar kebangkitan Islam serta kesedaran untuk menghayati syariat dan menegakkan syiar Islam sentiasa marak. Sebagai contoh, gambaran yang dipaparkan oleh petikan tulisan Syed Syeikh Al Hadi dalam majalah Al Imam:

If the king ignorant, of bad character, greedy, stupid, and follows crooked ways, then the whole ummah will fall, given the deviation from the True Path²¹.

Malah pemimpin Islam selepas kemerdekaan sentiasa didesak ;an diperingatkan oleh golongan ulama' dan reformis agar sentiasa berpandukan ajaran Al Quran dan Al Hadis. Lantaran itu kita dapati, hasrat ke arah penubuhan negara Islam Malaysia digambarkan dengan usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam, pengalaman syariat Islam dan pelbagai langkah diambil bagi memartabatkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.²² Begitu juga kita lihat dalam aspek perundangan masyarakat Melayu sejak dahulu, usaha ke arah pengamalan undang-undang Islam semakin ketara sejak pengenalan Undang-undang Kanun Melaka, Undang-undang Islam Pahang, Kedah, Terengganu dan Johor²³ sehingga kepada era kemerdekaan dan masa kini rnenampakkan wujudnya arus kebangkitan ke arah itu.

Dasar demi dasar diperkenalkan untuk mencapai hasrat murni tersebut, umpamanya penganjuran 'Konsep Pembangunan Dalam Islam' 1981, perlaksanaan dasaryang dikenali sebagai 'Islamic Government Machinery' 1984²⁴ dan Dasar Penerapan

²¹ Al Imam 5 Januari 1908. Lihat juga Hussin Mutalib. Islam in Malaysia: 21

²³ Rujuk Utusan Malaysia 12 Jun 1999: 2

Nilai-nilai Islam 1985 oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad²⁵ serta susulan usaha-usaha agresif oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memperkenalkan Bank Islam; Yayasan Ekonomi Islam,²⁶ penaikan taraf Pusat Islam selepas 1988 dan penerapan budaya Islam dalam bidang penyiaran sejak 1990 serta pelbagai lagi usaha yang telah diambil untuk melengkapkan kriteria sebagai negara Islam. Ini diperkuatkan lagi dengan usaha penubuhan Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia, deklarasi UMNO sebagai parti Islam yang utama di Malaysia dan promosi perkampungan Islam di bandar-bandar pada 1988.²⁷

Perubahan ini menampakkan kesannya dalam masyarakat apabila suasana sosial Islam mulai kelihatan; wanita berpakaian hijab, etika pergaulan yang lebih sopan (meskipun pada sesetengah pengalamannya tidak selari) dan kunjungan masyarakat ke masjid-masjid dan surau kian bertambah. Arus kebangkitan untuk mewujudkan Malaysia sebagai negara model Islam semakin kuat dengan munculnya badan-badan sosial dan dakwah golongan bukan kerajaan yang turut memartabatkan imej Islam negara kita. Dengan gambaran begitu, kita dapat suatu kesimpulan bahawa prospek kebangkitan Malaysia sebagai negara yang mendaulatkan tamadun Islam adalah terbuka ataupun setidak-tidaknya memastikan pemerintahan negara terus berada di bawah payung Islam seperti Kerajaan Brunei Darussalam.²⁸ Tambahan pula, kedudukan Islam di tempat yang istimewa selaku agama rasmi menyebabkan pemerintahan secara sah dalam melaksanakan apa saja usaha pembangunan atau mengembangkan ideal. Islam bukanlah satu

²³ Hamid Jusoh. Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembangan Malaysia: ix

²⁴ Husin Mutalib. Islam in Malaysia: 30

²⁵ Nik Mustapha Nik Hassan. Nilai Sejagat Islam: Satu Perspektif: 65-66

²⁶ Husin Mutalib. Islam in Malaysia: 31

²⁷ Ibid: 31

FAKULTAS

penyelewengan tetapi merupakan satu lanjutan daripada proses sejarah²⁹ ke arah memupuk perkembangan dan pembangunan masa depan tamadun Malaysia Islam.

Beberapa bukti-bukti tambahan di bawah menunjukkan dunia mula memberikan perhatian yang cukup besar terhadap perkembangan negara Malaysia. Sebagai model negara yang mewakili dunia Islam. Ini termasuklah pencapaian kualiti produk dan sistem Bank Islam Malaysia Berhad sebagai model utama perbankan Islam di dunia, kelahiran Koridor Raya Multimedia (MSC), pemilikan sistem satelit telekomunikasi sendiri iaitu MEASAT, penghasilan teknologi pembuatan kereta dan motosikal tempatan dan lain-lain lagi. Malah dalam agenda negara terkini, Malaysia kini sedang ke arah sebuah pusat kecemerlangan ilmu dan pendidikan utama di Asia.

Namun kira tidak pernah menafikan masih banyak elemen yang perlu diberi perhatian untuk terus bangkit dan membangun sebagai pusat tamadun Melayu Islam yang moden dan unggul bagi dunia masa depan.

RUMUSAN

Kebangkitan tamadun Melayu-Islam Malaysia diberi perhatian oleh seluruh dunia dengan negara Malaysia dilihat sebagai mendominasi arus perpaduan hidup di kalangan bangsa yang bersifat majmuk di negara ini adalah antara faktoryang memastikan prospek masa depan kebangkitan

²⁸ Mohamad Pengiran Hj. Abdul Rahman. Pengiran Dr. Haji. Kepimpinan Islam Mengikut Pengalaman Negara Brunei: 15

²⁹ A. Aziz Deraman (1992). Tamadun Melayu dan pembinaan Bangsa Malaysia: 32

tamadun Melayu-Islam lebih cerah. Tanpa menafikan sumbangan golongan ulama' dan intelektual yang berjuang habis-habisan demi melihat perkembangan tahap kemajuan yang membanggakan, sokongan dan pertolongan langsung pihak pimpinan negara terus mengorak langkah ke depan menerajui kebangkitan dunia Islam di sebelah timur ini. Malahan hari ini, kita dapati negara-negara daripada dunia Islam menghormati Malaysia sebagai wakil suara mereka di peringkat dunia dan tidak hairanlah jika terdapat segelintir pemerhati di peringkat antarabangsa meramalkan Malaysia sebagai bakal pusat perkembangan dan kebangkitan tamadun Islam di timur pada masa depan.

BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman (1992). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah Dr. (1990). *Sejarah dan Pemikiran Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Jusoh (1989). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Muhammad Zin, Dr. (1993). *Peranan Ulama Dalam Mengatasi Masalah Kefahaman Orang Bukan Islam Terhadap Islam*. IKIM: SIBKI: 35.
- Golam W. Choudhury (1987). *Islam And The Modern Muslim World*. England: Scorpian Publishing Ltd.
- Harussani Hj. Zakaria, Dato' Seri Haji (1993). *Islam Pada Pandangan Orang Bukan Islam di Malaysia*: IKIM: SIBKI: 22.
- Hussin Mutalib (1993) *Islam In Malaysia From Revevalisme to Islamic State*. Singapore: Singapore University Press.

FAKULTAS

Mahayuddin Haji Yahya (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mana Sikana (1983). *Sastera Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.

Mohd Jajuli Abd Rahman (1994). *Teks Undang-undang Melayu Pertengahan Abad Kelapan Belas* (Edisi Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Pengiran Hj. Abdul Rahman, Pengiran Dr. Haji. "Kepimpinan Islam Mengikut Pengalaman Negara Brunei Darussalam": Seminar Kepimpinan Islam Serantau. Universiti Malaya: 14-15 Jun 1999.

Nik Mustapha Nik Hassan. *Nilai Sejagat Islam: Satu Perspektif* Kuala Lumpur: IKIM.

Syed Omar Syed Agil dan Salina Haji Zainol (ed) (1994). *Islam dan Cabaran Era Baru*. Kuala Lumpur: IKIM.

Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dollah (1999). *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional* (Sri Budaya Utusan). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.